



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JKP 313 – Institusi Politik

JKP 319 – Institusi Demokratik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

1. (a) Bandingkan aplikasi Teori Pengasingan Kuasa dalam sistem demokrasi berpresiden dengan sistem demokrasi berparlimen.

(b) Mengapakah sistem demokrasi berpresiden lebih cenderung mencetuskan kebuntuan politik (*political deadlock*) dan krisis institusional berbanding sistem demokrasi berparlimen?

(100 markah)

2. (a) Bandingkan sistem elektoral berasaskan prinsip geografi dengan sistem elektoral berasaskan prinsip nisbah.

(b) Bincangkan bagaimana sistem ahli campuran (*mixed-member system*) dapat mengatasi kelemahan-kelemahan kedua-dua sistem elektoral tersebut.

(100 markah)

3. (a) Huraikan dua jenis tindakan perundangan secara langsung. Sertakan contoh sebenar yang berkaitan.

(b) Bincangkan kepentingan-kepentingan tindakan perundangan secara langsung dalam sistem pemerintahan demokratik.

(100 markah)

4. (a) Bandingkan eksekutif simbolik dengan eksekutif berkuasa penuh.

(b) Bagaimanakah eksekutif simbolik dapat memainkan peranan “semak dan imbang” secara berkesan? Sertakan contoh yang berkaitan.

(100 markah)

5. (a) Bincangkan kekuatan dan kelemahan institusi kehakiman bercorak aktivis.

(b) Bagaimanakah institusi kehakiman bercorak aktivis boleh mempengaruhi proses politik sesebuah negara?

(100 markah)